

09/07/2001

PPBM beri penjelasan mengenai tabung

PERSATUAN Pengilang-Pengilang Bumiputera (PPBM) menyambut baik penubuhan Tabung Pemulihan Dan Pembangunan Usahawan (TPPU) bernilai RM500 juta dan yakin ia mampu menggerakkan semula perniagaan usahawan Bumiputera terutama yang dibelenggu masalah hutang tidak berbayar (NPL).

Setiausaha Agung PPBM, Raja Nong Chik Raja Zainal Abidin, berkata pengumuman tabung itu oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, baru-baru ini menyatakan keprihatinan kerajaan terhadap masalah usahawan, terutama Bumiputera terbabit dalam Perusahaan Kecil Sederhana (PKS).

Beliau berkata, PPBM akan terus memberi sokongan terhadap usaha kerajaan bagi memastikan program itu dilaksanakan secara berkesan dan berusaha membantu usahawan Bumiputera mendapat peluang sewajarnya daripada tabung itu.

Katanya, PPBM akan menganjurkan satu program khas pada 24 Julai ini di ibu pejabat Bank Pembangunan dan Infrastruktur Bhd, Kuala Lumpur bagi memberi penjelasan kepada semua ahli dan usahawan Bumiputera mengenai tabung berkenaan.

"Program itu akan dirasmikan oleh Penasihat Ekonomi Majlis Tindakan Ekonomi Negara, Datuk Mustapha Mohamad dan kami juga akan menjemput pegawai kanan Bank Negara untuk memberi taklimat.

"Ini bagi memastikan ahli dan Usahawan Bumiputera yang hadir faham dengan jelas mengenai tujuan penubuhan tabung dan cara serta kelayakan memohonnya," katanya kepada Berita Harian di Kuala Lumpur baru-baru ini.

Perdana Menteri yang juga Menteri Kewangan dalam satu kenyataan pada 3 Julai lalu berkata, kerajaan sememangnya prihatin terhadap masalah usahawan khususnya pengusaha kecil dan sederhana Bumiputera yang dibelenggu masalah NPL.

Beliau berkata, penubuhan program khas TPPU akan memberi nafas baru kepada lebih 10,000 usahawan Bumiputera.

Raja Nong Chik berkata, pengumuman tabung itu sejajar dengan apa yang diusahakan oleh persatuan sebelum ini termasuk pembentangan memorandum kepada Perdana Menteri yang meminta tabung seperti itu diteruskan.

"Sebelum ini ada Tabung Pemulihan Usahawan yang juga diwujudkan untuk tujuan sama tetapi semasa kegawatan ekonomi ia dihentikan," katanya.

Beliau berkata, sejak tiga tahun lalu banyak usahawan PKS menghadapi masalah mengembangkan perniagaan serta tidak mampu membayar hutang akibat perniagaan yang turun mendadak.

Oleh itu katanya, PPBM berharap ahlinya atau usahawan Bumiputera tampil menyertai program yang bakal diadakan supaya mereka dapat maklumat terkini mengenai tabung berkenaan.

Mereka yang berminat menyertai program yang bakal dianjurkan PPBM itu diminta menghubungi sekretariat PBBM di 03-26913399 sambungan 3246/3247 atau menghubungi Raja Nong Chik di 03-7034567/7037037.

(END)